



Persidangan Statistik Malaysia Kali Ke-9 (MSTATS) 2022

JABATAN PERDANA MENTERI
UNIT PERANCANG EKONOMI

Diaspora Malaysia: *Brain Drain* atau *Brain Gain*

Luqman Ahmad

Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan

Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri

5 Oktober 2022

Diaspora Malaysia sebagai *Brain Drain* atau *Brain Gain*?

- Antara **1.5 hingga 2 juta rakyat Malaysia** dilaporkan berada luar negara, dengan sebahagian besarnya berada di **Singapura**
- Anggaran **300,000 diaspora Malaysia adalah pekerja mahir** pada tahun 2010, dengan kebanyakannya tertumpu di **Singapura, Australia, United Kingdom dan Amerika Syarikat**
- *Brain drain* dan *brain gain* **bukan isu unik** yang dialami oleh Malaysia dan berlaku disebabkan **faktor globalisasi**
- Bagi mencapai **negara berpendapatan tinggi, modal insan yang berkualiti diperlukan** termasuk dalam kalangan diaspora Malaysia
- Usaha telah **mula dilaksanakan dalam beberapa Rancangan Malaysia** bagi menambah baik kecekapan pasaran buruh termasuklah menambah baik struktur upah dan mewujudkan peluang pekerjaan berkualiti yang bertujuan untuk mengurangkan *brain drain* dan meningkatkan *brain gain*

Migrasi



VS



- Tiada pekerjaan
- Pendapatan yang rendah
- Taraf kehidupan yang rendah
- Kualiti pendidikan yang rendah
- Kualiti hidup yang rendah
- Fasiliti tidak mencukupi / usang
- Ketidakstabilan politik


- Prospek kerjaya yang lebih baik
- Potensi pendapatan yang lebih tinggi
- Kualiti pendidikan yang lebih baik
- Kualiti hidup yang lebih baik
- Fasiliti mencukupi / canggih
- Kestabilan politik

Diaspora Malaysia di Negara Terpilih

Negara	Tahun	Bilangan Diaspora
Singapura	2019	952,000
Australia	2016	138,363
United Kingdom	2019	37,549
Kanada	2016	25,690
United States	2019	79,827
Jumlah		1,233,429

Sumber: World Bank Study on Leveraging the Malaysian Diaspora (REP) and Diaspora Heatmaps

Bab 10: Membangunkan Bakat Masa Hadapan



RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

2021-2025
MALAYSIA MAKMUR, INKLUSIF, MAMPAH

Usaha untuk mengurangkan *brain drain* dan meningkatkan *brain gain*:




**Bidang Keutamaan A: Menjajarkan Semula Pasaran Buruh
untuk Pertumbuhan yang Inklusif dan Mampan**

- Strategi A1: Meningkatkan Kesaksamaan Pampasan Pekerja dan Penyertaan Tenaga Buruh

Isu

- Rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara **tidak mempunyai maklumat** yang tepat mengenai situasi pekerjaan di negara ini
- **Ketiadaan data** yang komprehensif mengenai diaspora Malaysia mengekang usaha untuk memanfaatkan bakat mereka yang berada di luar negara
- Terdapat syarikat yang **memilih untuk menggaji ekspatriat** walaupun pekerjaan tersebut boleh dilakukan oleh rakyat Malaysia



Inisiatif

- **Menambah baik *Returning Expert Programme*** bagi memudah cara rakyat Malaysia yang bekerja di luar negara untuk kembali bekerja di Malaysia
- **Mewujudkan pangkalan data diaspora Malaysia** bagi mengumpul maklumat rakyat Malaysia di luar negara dan memanfaatkan bakat mereka yang berada di luar negara
- **Menyemak semula skala gaji ekspatriat** dalam semua kategori untuk mengehadkan kemasukan ekspatriat agar lebih banyak peluang pekerjaan untuk rakyat Malaysia

Returning Expert Programme (REP)

- REP adalah di bawah **Talent Corporation Malaysia Berhad**
- Bakat Malaysia berkemahiran tinggi yang bekerja di luar negara **diberikan insentif untuk pulang bekerja di Malaysia** bertujuan untuk membawa pulang dan berkongsi pengalaman, kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh
- Sehingga September 2022, sebanyak **6,283** daripada **10,512** permohonan diterima **telah diluluskan**
- Bakat Malaysia yang telah pulang di bawah REP terdiri daripada profesional dan pakar teknikal Suite-C bernilai tinggi
- 5 subsektor utama adalah **Minyak, Gas & Tenaga, Perkhidmatan Kewangan, Teknologi Maklumat & Komunikasi (ICT), Penjagaan Kesihatan** dan **Perkhidmatan Perniagaan**

Antara Insentif di bawah REP



15% kadar cukai pilihan ke atas pendapatan selama lima tahun berturut-turut



Pelepasan cukai ke atas kereta pemohon yang ingin dibawa pulang ke Malaysia (*Complete Knocked Down - CKD* atau *Complete Built Up - CBU*) sehingga RM100,000




Pasangan dan anak (bawah 18 tahun) dengan kerakyatan asing layak memohon status *Permanent Resident (MyPR)*



Pengecualian cukai bagi barang persendirian yang dibawa balik



Bilangan Ekspatriat Mengikut 5 Sektor Utama, 2021 - 2022



Sumber: TalentCorp

- **Sektor Pembuatan** merupakan **sektor terbesar** yang menggaji ekspatriat
- Kebanyakan pekerjaan yang dilakukan oleh ekspatriat dalam kategori ***Employment Pass Category III*** boleh dilakukan oleh bakat Malaysia

Penutup

- Selain penawaran gaji yang lebih tinggi, taraf hidup yang lebih baik di luar negara menyebabkan berlakunya *brain drain*
- Pewujudan lebih banyak perkerjaan berkemahiran tinggi yang menawarkan gaji yang tinggi di negara ini akan membantu untuk mengurangkan *brain drain* dan meningkatkan *brain gain*
- Diaspora Malaysia boleh dimanfaatkan walaupun tidak berada di dalam negara, namun maklumat yang lengkap terutamanya mengenai pekerjaan dan kemahiran yang dimiliki mereka diperlukan
- Ekspatriat diperlukan dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, namun perlu dihadkan kepada pekerjaan yang memerlukan kelayakan dan kemahiran yang tidak dimiliki oleh bakat Malaysia sahaja

Sekian, terima kasih.